



Anwar bersama Dr Wan Azizah diiringi Dr Dzulkefly (kiri) menziarahi pesakit sempena Aidilfitri di HKL, semalam. (Foto BERNAMA)

PM jamin segera tingkat kemudahan wad kelas tiga HKL

BERITA HARIAN 12 APR 2024

M/S: 2

Langkah pastikan prasarana lebih baik demi keselesaan pesakit

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kerajaan akan segera menyediakan kemudahan yang diperlukan di wad kelas tiga Hospital Kuala Lumpur (HKL), di sini demi keselesaan pesakit.

Perdana Menteri memaklumkan, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad akan meneliti keperluan terbabit serta permasalahan lain untuk dibawa kepada perhatian Jemaah Menteri.

“Kita melihat sendiri kawasan wad kelas tiga yang panas sedikit dan sesak.

“Menteri (Dr Dzulkefly) akan bawa masalah ini untuk perhatian Jemaah Menteri agar kita segerakan mana yang perlu,” katanya.

Anwar memberitahu demikian kepada pemberita selepas bersama isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail melawat pesakit di wad kelas tiga, selain kakitangan yang terus berkhidmat pada musim lebaran.

Mereka diiringi Dr Dzulkefly dan Pengarah HKL, Datin Dr Rohana Johan.

Perdana Menteri yakin Dr Dzulkefly dan Dr Rohana maklum mengenai masalah mendasak yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dan kerajaan bagi memastikan penyediaan prasarana lebih baik di hospital berkenaan.

Kajian pemerolehan ubat

Dalam pada itu, Anwar mahu kajian menyeluruh dilakukan berhubung pemerolehan ubat oleh semua hospital dan klinik kerajaan supaya tidak berlaku pembaziran serta kerugian.

“Apakah ubat-ubatan itu digunakan sepenuhnya, tidak ada pembaziran dan apakah keutamaan.

“Itu kita perlu beri tumpuan kepada HKL kerana jumlah (yang diperlukan) lebih besar, tapi kita

juga kena beri tumpuan kepada klinik di Kapit, klinik di Manek Urai umpamanya.

“Jadi, hal ini dilihat keseluruhannya oleh kementerian dan kita (akan) buat keputusan,” katanya sambil turut mengucapkan tahniah kepada HKL atas kecemerlangan prestasi hospital itu yang mendapat pengiktirafan dunia.

Perdana Menteri berharap pencapaian berkenaan akan menjadi galakan kepada semua pihak untuk meningkatkan usaha dan perkhidmatan mereka.

Pada lawatannya, Anwar turut menghulurkan sumbangan kepada pesakit di wad kelas tiga dan kakitangan HKL yang bertugas.

“Penghargaan setingginya kepada seluruh warga HKL dan petugas KKM atas pengorbanan dan sumbangan berterusan mereka demi kesihatan dan kesejahteraan rakyat.

“Perayaan ‘eid-ul fitr’ sesungguhnya mengetuk pintu nurani kita untuk tingkatkan sikap kasih dan beringat kepada yang lain, terutama yang sakit dan hidup melarat,” katanya.

BERNAMA